

Ekonomi kita tidak

UM 21 MAR 2002

Daripada HAMZAH SIDEK

BERLIN 20 Mac — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yakin Malaysia tidak akan ditimpa kejatuhan ekonomi seperti Argentina walaupun kedua-dua negara menetapkan nilai mata wang masing-masing mengikut dolar Amerika Syarikat (AS).

Katanya, Malaysia tidak akan mengalami nasib seperti Argentina kerana banyak faktor, termasuk mempunyai pasukan pengurusan krisis yang sentiasa memantau keadaan dan mencari jalan untuk menyelesaikan masalah-masalah yang timbul.

Di samping itu, Malaysia juga mempunyai simpanan wang yang kukuh iaitu 40 peratus daripada kadar Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Angka ini adalah yang paling tinggi di dunia.

"Sebab itulah apabila kami (Malaysia) menetapkan kadar ringgit mengikut dolar AS, tiada apa-apa yang berlaku ke atas kami berbanding dengan

apa yang berlaku di Argentina," tegasnya semasa menjawab satu pertanyaan semasa berdialog dengan ahli-ahli perniagaan Jerman pada pertemuan anjuran Persekutuan Industri Jerman dan Persatuan Perniagaan Asia-Pasifik, petang semalam.

Menurut Perdana Menteri, menguruskannya ekonomi supaya sentiasa berkeadaan baik memerlukan penelitian secara mikro dalam banyak perkara, bukan sekadar menentukan turun naik kadar faedah kewangan.

Katanya, pasukan pengurusan krisis yang dibentuk telah mengambil banyak langkah bagi menangani masalah-masalah yang timbul dari semasa ke semasa.

Antara tindakan yang telah diambil oleh pasukan pengurusan krisis Malaysia ialah menangani masalah kelembapan jualan rumah, motosikal dan lain-lain kenderaan bermotor dengan mengadakan kempen jualan dan penurunan kadar faedah pinjaman.

Kerajaan juga membayar bonus dan memberikan kenaikan gaji kepada ka-

kitangan awam bagi merangsang pertumbuhan ekonomi ketika keadaan dunia tidak menentu.

Sebaliknya, kata Perdana Menteri, Argentina mengalami kejatuhan ekonomi kerana tidak melakukan banyak perkara walaupun telah menetapkan nilai mata wangnya mengikut dolar AS.

Katanya, hasil perbincangan dengan para pemimpin Argentina baru-baru ini beliau mendapati banyak perkara yang perlu dilakukan di negara itu termasuk meminda undang-undang buruh yang menyekat perkembangan sihat dan sihat.

Menjawab satu pertanyaan mengenai persaingan yang dihadapi oleh lain-lain negara di Asia berikutan kemajuan pesat ekonomi China, Dr. Mahathir berkata, Malaysia tidak bimbang.

Katanya, apa yang perlu dilakukan ialah menyesuaikan diri dengan keadaan berikutan kemajuan ekonomi pesat di negara yang mempunyai 1.3 bilion penduduk yang merupakan pаса-

seburuk Argentina

ran dan kawasan pelaburan terbesar di dunia itu.

"Kami perlu memikirkan apa yang China tidak berupaya hasilkan, misalnya pengeluaran kertas kerana Malaysia mempunyai banyak kayu-kayuan sedangkan negara itu menggunakan lebih banyak kertas daripada apa yang mereka keluarkan," katanya.

Menurutnya, China kini mengeluarkan lebih banyak barangan elektronik dan dengan harga yang lebih murah daripada apa yang dihasilkan oleh Malaysia, maka Malaysia beralih ke bidang pengeluaran barangan berteknologi tinggi.

Kata Dr. Mahathir, Malaysia mempunyai kelebihan daripada China di bidang teknologi tinggi kerana memiliki tenaga kerja yang lebih mahir, berpendidikan tinggi dan menguasai bahasa Inggeris dengan baik. Malahan China kini menghadapi masalah untuk menyediakan eksekutif yang mencukupi dan berkualiti.

"Malaysia tidak perlu bimbang kerana banyak lagi bidang yang boleh di-

ceburi," kata Dr. Mahathir yang dalam rangka lawatan rasmi tiga hari ke Jerman bagi meningkatkan hubungan dua hala, khususnya menarik lebih banyak pelaburan dari negara yang merupakan rakan dagang terbesar di Malaysia di kalangan negara-negara Kesatuan Eropah (EU).

Di samping itu, beliau meramalkan, China yang kini mempunyai lebih daya tarikan pelaburan kerana tenaga buruhnya yang murah juga akhirnya akan mengalami keadaan seperti lain-lain negara apabila para pekerja menuntut upah yang tinggi berikutan kemajuan ekonomi.

Mengenai sama ada ASEAN boleh menubuhkan kawasan perdagangan bebas bersama dengan beberapa negara sahabat yang lain, kata Dr. Mahathir, keadaan sekarang belum mengizinkan.

Katanya, perbezaan tahap ekonomi yang amat ketara antara negara-negara Asia Tenggara akan menghalang pencapaian matlamat penubuhan kawasan perdagangan bebas seperti yang dijalankan di Eropah.

Menurut Dr. Mahathir, dalam hal ini adalah lebih bagi ASEAN melangkah dengan berhati-hati dengan menilai terlebih dahulu kemajuan dicapai oleh Eropah.

Sebagai hujah, beliau yang melawat Rusia sebelum tiba di Jerman, merujuk kepada pengalaman yang dilalui oleh bekas negara komunis itu setelah secara mendadak memeluk sistem demokrasi dan pasaran ekonomi bebas.

Katanya, kini banyak rakyat negara itu yang hidup bergantung kepada wang pencen yang kecil mengalami kesusahan kerana harga barangan keperluan harian naik dan sewa rumah juga terpaksa dibayar berbanding ketika mendapat kemudahan perumahan percuma pada zaman Kesatuan Soviet dulu.

Di samping Rusia, tambahnya, ada negara lain yang menghadapi keadaan lebih buruk setelah sistem demokrasi yang diterima secara mendadak memberi peluang kepada rakyatnya untuk merusuh di jalan raya. — Utusan